

STANDARD OF PROCEDURE (SOP) PENGIRAAN NILAI SEMASA MENGGUNAKAN GARIS LURUS BAGI ASET ALIH (HARTA MODAL DAN ASET BERNILAI RENDAH)

Nilai semasa bagi Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah perlu dikemaskini di Kew.Pa-3 (Daftar Harta Modal) dan Kew.Pa-4 (Daftar Aset Bernilai Rendah), Kew.Pa-5 (Senarai Daftar Harta Modal) dan Kew.Pa-6 (Senarai Daftar Aset Bernilai Rendah) pada setiap akhir tahun.

Sekiranya Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah adalah aset lama yang telah didaftarkan pada Kew.Pa-2 dan Kew.Pa-3 sebelum pengemaskinian pekeliling 1PP pada April tahun 2018. Semua Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah tersebut perlu dikira nilai semasanya. Semua Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah yang telah disenaraikan di dalam Kew.Pa-4 (Senarai Daftar Harta Modal) dan Kew.Pa-5 (Senarai Daftar Aset Bernilai Rendah) – format lama perlu dikemaskini menggunakan Kew.Pa-5 (Senarai Daftar Harta Modal) dan Kew.Pa-6 (Senarai Daftar Aset Bernilai Rendah) yang baru.

Untuk mendapatkan Nilai Semasa bagi setiap aset alih, kiraan Susut Nilai setiap tahun perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Garis Panduan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bilangan 1 Tahun 2013 hendaklah digunapakai bersama semasa melaksanakan proses kiraan. Kaedah pengiraan dan contoh situasi adalah seperti berikut:

1. PERABOT

SUSUT NILAI BAGI SETIAP TAHUN

NILAI PEROLEHAN ASAL – NILAI SISA

USIA GUNA

Nilai Perolehaan Asal =		adalah nilai perolehan bagi harta modal atau aset bernilai rendah semasa perolehan
Nilai Sisa	=	0 (telah ditetapkan oleh Kementerian kewangan)
Usia Guna	=	Rujuk kepada Garis Panduan Usia Guna yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauantan Negara Malaysia. Diselaraskan untuk mengambil Nilai yang maksimum

Contoh : Sekiranya usia guna perabot adalah 3-10 tahun
PTJ perlu mengambil nilai 10 tahun untuk dimasukkan di
dalam formula Garis Lurus iaitu nilai maksimum usia guna bagi perabot.

Contoh Pengiraan:

Kategori aset : Perabot

Nilai perolehan asal : RM10,000.00

Nilai Sisa : 0

Usia Guna : 10 tahun

Tahun Perolehan : 2013

Penggunaan : sehingga kini (2018) telah digunakan selama 6 tahun

$$= \frac{\text{NILAI PEROLEHAN ASAL} - \text{NILAI SISA}}$$

USIA GUNA

$$= \frac{\text{RM10,000} - 0}{10}$$

10

$$= \text{RM1,000 (susut nilai bagi setiap tahun)}$$

PENGIRAAN NILAI SEMASA

BIL	TAHUN	NPA (NILAI PEROLEHAN ASAL) (RM)	NILAI SEMASA (RM)
1.	2013	10,000	10,000
2.	2014	10,000	9,000 (10,000 -1,000)
3.	2015	9,000	8,000 (9,000 – 1,000)
4.	2016	8,000	7,000 (8,000 – 1,000)
5.	2017	7,000	6,000 (7,000 – 1,000)
6.	2018	6,000	5,000 (6,000 – 1,000)

Nilai semasa bagi perabot tersebut pada akhir tahun 2018 adalah **RM 5,000.00**

- a. Pengiraan Nilai Semasa perlu dibuat pada setiap awal tahun mengikut pekeliling 1PP yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan telah digunapakai oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- b. Sekiranya perabot dibeli pada awal tahun, maka pada akhir tahunnya nilai semasa adalah sama dengan nilai perolehan asal.
- c. Contoh: perabot dibeli pada Januari 2013 pada harga RM2,000.00, maka pada Disember 2013 nilai masih sama iaitu RM2,000.00. Nilai semasa akan berubah pada awal tahun berikutnya iaitu berubah pada Januari tahun 2014.

Contoh: Perabot telah dibeli pada tahun 2007, pada nilai RM5,000 dibeli pada awal tahun, penggunaan sehingga kini (tahun 2018), usia guna adalah 10 tahun (rujuk Klasifikasi dan usia guna aset)

$$\begin{aligned} \text{Pengiraan :} &= \frac{\text{NILAI PEROLEHAN ASAL} - \text{NILAI SISA}}{\text{USIA GUNA}} \\ &= \frac{\text{RM5,000} - 0}{10 \text{ (Rujuk Klasifikasi dan Usia Guna Aset)}} \\ &= \text{RM500 (susut nilai bagi setiap tahun)} \end{aligned}$$

PENGIRAAN NILAI SEMASA

BIL	TAHUN	NPA (NILAI PEROLEHAN ASAL) (RM)	NILAI SEMASA (RM)
1.	2007	5,000	5,000
2.	2008	5,000	4,500
3.	2009	4,500	4,000
4.	2010	4,000	3,500
5.	2011	3,500	3,000
6.	2012	3,000	2,500
7.	2013	2,500	2,000
8.	2014	2,000	1,500
9.	2015	1,500	1,000
10.	2016	1,000	500
11.	2017	500	0
12.	2018	0	0

Perabot tersebut telah digunakan melebihi daripada 10 tahun iaitu usia gunanya, maka pada akhir tahun 2017 iaitu tahun ke 11 penggunaannya, nilai semasa bagi perabot tersebut adalah 0.

2. PERALATAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT

Contoh: Mesin Shredder (Perincih) telah dibeli pada tahun 2007, Jenama dan Model HSM pada nilai RM12,000 dibeli pada awal tahun, penggunaan sehingga kini (tahun 2018), usia guna adalah 10 tahun (rujuk Klasifikasi dan Usia Guna Aset)

$$\begin{aligned} \text{Pengiraan :} &= \frac{\text{NILAI PEROLEHAN ASAL} - \text{NILAI SISA}}{\text{USIA GUNA}} \\ &= \frac{12,000 - 0}{10 \text{ (Rujuk Klasifikasi dan Usia Guna Aset)}} \\ &= \text{RM1,200 (susut nilai bagi setiap tahun)} \end{aligned}$$

PENGIRAAN NILAI SEMASA

BIL	TAHUN	NPA (NILAI PEROLEHAN ASAL) (RM)	NILAI SEMASA (RM)
1.	2007	12,000	12,000
2.	2008	12,000	10,800
3.	2009	10,800	9,600
4.	2010	9,600	8,400
5.	2011	8,400	7,200
6.	2012	7,200	6,000
7.	2013	6,000	4,800
8.	2014	4,800	3,600
9.	2015	3,600	2,400
10.	2016	2,400	1,200
11.	2017	1,200	0
12.	2018	0	0

Mesin shredder tersebut telah digunakan melebihi daripada 10 tahun iaitu usia gunanya, maka pada akhir tahun 2017 iaitu tahun ke 11 penggunaannya, nilai semasa bagi mesin shredder tersebut adalah 0.

3. PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT

Contoh: satu set komputer telah dibeli pada tahun 2015, Jenama dan Model Dell pada nilai RM6,000.00 dibeli pada awal tahun, penggunaan sehingga kini (tahun 2018), usia guna adalah 13 tahun (rujuk Klasifikasi dan Usia Guna Aset)

$$\begin{aligned} \text{Pengiraan :} &= \frac{\text{NILAI PEROLEHAN ASAL} - \text{NILAI SISIA}}{\text{USIA GUNA}} \\ &= \frac{6,000 - 0}{13 \text{ (Rujuk Klasifikasi dan Usia Guna Aset)}} \\ &= \text{RM 461.54 (susut nilai bagi setiap tahun)} \end{aligned}$$

PENGIRAAN NILAI SEMASA

BIL	TAHUN	NPA (NILAI PEROLEHAN ASAL) (RM)	NILAI SEMASA (RM)
1.	2015	6,000	6,000
2.	2016	6,000	5,538.46 (6,000-461.54)
3.	2017	5,538.46	5,076.92 (5538.46-461.54)
4	2018	5,076.92	4,615.38 (5076.92-461.54)

Set komputer tersebut telah digunakan selama 4 tahun, maka pada akhir tahun 2018 nilai semasa bagi set komputer tersebut adalah **RM4,615.38**.